



SIARAN AKHBAR

MAJLIS DIKIR SEMPENA SAMBUTAN MAULUD NABI MUHAMMAD SALLALLAHU ‘ALAIHI WASALLAM KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN DAN JABATAN DIBAWAHNYA TAHUN 1445H / 2023M

**Hari Isnin 9 Rabiulawal 1445H bersamaan 25 September 2023
Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam**

Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) dan Jabatan-Jabatan dibawahnya telah mengadakan majlis dikir sempena sambutan Maulud Nabi Muhammad Shallallahu ‘Alaihi Wasallam bagi Tahun 1445H/2023M bertempat di Masjid Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit (MDRIPAD), Mukim Kilanas.

Hadir selaku tetamu Kehormat ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Turut hadir ialah Yang Mulia Awang Haji Mohd Yusree bin Haji Junaidi, Timbalan Setiausaha Tetap I, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Ketua-Ketua Jabatan, pegawai-pegawai kanan, para pegawai dan kakitangan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) serta Jabatan-Jabatan di bawahnya, Ahli-ahli Jawatankuasa Takmir MDRIPAD dan penduduk setempat.

Majlis dimulakan dengan Solat Fardhu Maghrib berjemaah diikuti dengan Dikir Syarafil Anam, Dikir Marhaban beramai-ramai yang dipimpin oleh Imam Adee Aiman bin Haji Muhibdin, Imam Tingkat II, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama dan diteruskan dengan bacaan doa sebelum Solat Fardhu Isya’.

Majlis dikir tersebut diadakan dengan usaha sama KSSUP, AJK Takmir MDRIPAD bagi sama-sama menyemarakkan lagi Sambutan Maulidur Rasul di samping mengeratkan lagi hubungan silaturahim di kalangan warga kakitangan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan bersama Ahli Takmir Masjid dan Jemaah, serta penduduk sekitarnya.

-TAMAT-

Disediakan oleh:

Jabatan Pertanian dan Agrimakanan

Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan

Hari Isnin , 9 Rabiulawal 1445H / 25 September 2023